

Headline	Faizal masih ada peluang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 May 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	61
ArticleSize	270 cm ²	Journalist	NURSURAYA
PR Value	RM 21,102		



Faizal masih ada peluang

Oleh NURSURAYA ZULKIFLI

PELUANG bekas pemain hoki negara, Faizal Saari yang menjalani penggantian selama enam bulan untuk kembali menyarung jersi kebangsaan masih cerah.

Harapan itu disuarakan Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Datuk Seri Subahan Kamal sekiranya penyerang prolifik tersebut menunjukkan kemampuan dan prestasi semasa yang memberangsangkan.

Menurut Subahan, tempoh penggantian Faizal akan berakhir pada 15 Jun depan dan terpulang pada barisan teknikal serta kejurulatihan untuk meneliti serta menentukan kedudukan pemain berusia 25 tahun itu selepas ini.

“Kita difahamkan, pada ketika ini Faizal berada di Bangladesh untuk menyertai kejohanan di sana dan berkeungkinan dia juga akan menyertai kejohanan Piala Tun Abdul Razak bulan ini.

“Namun, Faizal perlu bersaing dengan pemain-pemain berbakat yang lain bagi membuktikan kemampuannya selain faktor kecergasan adalah amat penting untuk dipanggil semula bersama skuad nega-

ra,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Liga Hoki Tenaga Nasional Berhad (TNB) Melaka di Stadium Hoki Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Bukit Serindit, Melaka kelmarin.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif MHC, K. Logan Raj serta Pengarah Teknikal MHC, Terry Walsh dan Presiden Persatuan Hoki Melaka, Habibul’Ajmi Manggar.

Faizal sebelum ini digantung daripada skuad kebangsaan selama enam bulan oleh Jawatankuasa Disiplin MHC kerana gagal menghadiri sesi latihan bersama skuad berkenaan pada Oktober tahun lalu.

Anak kelahiran Rantau Panjang, Kelantan tersebut sebelum itu berdepan risiko penggantian dua tahun daripada terlibat dalam sebarang aktiviti melibatkan hoki pada peringkat domestik dan antarabangsa.

Bagi Subahan, Faizal diakui seorang pemain berbakat dan memberi impak besar kepada pasukan, namun lebih banyak kejayaan akan dikecapi sekira-

nya pemuda itu berubah lebih matang selain berdisiplin.

Dalam perkembangan berasingan, Subahan memberitahu, sebanyak 30 pasukan terdiri daripada 16 pasukan lelaki dan 14 pasukan wanita akan menyertai kejohanan Piala Tun

Abdul Razak 2016 yang akan diadakan di Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 21 hingga 29 Mei ini.

“Semua negeri menghantar penyertaan termasuk Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Bagi pasukan wanita, hanya Perlis dan Kelantan yang tidak mengambil bahagian. Buat julung kalinya, kejohanan kali ini membuka penyertaan kepada pasukan wanita,” katanya.

Pada majlis semalam, Petronas dinobatkan sebagai juara Liga Hoki TNB Melaka 2016 menewaskan MBMB 4-1.

Headline	Faizal masih ada peluang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 May 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	61
ArticleSize	270 cm ²	Journalist	NURSURAYA
PR Value	RM 21,102		



FAIZAL masih berpeluang menyarung jersi skuad kebangsaan selepas tamat penggantungan pada 15 Jun depan.